



# UJIAN PERTENGAHAN TAHUN

MARKAH		
KERTAS 1	KERTAS 2	JUMLAH
40	60	100

**KERTAS I**

[40 markah]

Masa: Satu jam

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

- 1 Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor dalam perkataan.

Sembilan ratus sembilan ribu  
sembilan ratus sembilan puluh

Rajah 1

Apakah nombor tersebut dalam angka?

- A 900 909  
B 909 990  
C 909 909  
D 990 990
- 2 Cerakinkan 837 452 mengikut nilai tempat.  
A  $800\,000 + 3\,000 + 400 + 50 + 2$   
B  $800\,000 + 30\,000 + 7\,000 + 400 + 50 + 2$   
C 8 ratus ribu + 7 puluh ribu + 3 ribu + 4 ratus + 5 puluh + 2 sa  
D 8 ratus ribu + 3 puluh ribu + 7 ribu + 4 ratus + 5 puluh + 2 sa
- 3 Bundarkan 267 801 kepada ribu yang terdekat.  
A 268 000  
B 267 800  
C 270 000  
D 300 000
- 4  $206\,788 + P - 80\,707 = 134\,131$   
Cari nilai  $P$ .  
A 805  
B 850  
C 8 050  
D 8 500
- 5 Jadual 1 menunjukkan bilangan ikan kembong, ikan selar dan ikan tenggiri yang ditangkap oleh nelayan-nelayan di Kampung Pulau.

Jenis ikan	Kembong	Selar	Tenggiri
Bilangan	58 401	85 873	12 084

Jadual 1

Cari jumlah kesemua ikan yang ditangkap.

- A 92 798  
B 103 798  
C 145 358  
D 156 356

- 6 Rajah 2 menunjukkan tiga kad nombor.

987 654

91 370

3 410

Rajah 2

Apakah hasil darab bagi digit dua kad pertama yang bergaris dan dibahagikan dengan digit yang bergaris di kad ketiga?

- A 4 500  
B 45 000  
C 450 000  
D 4 050

- 7  $M + 29\,056 \times 12 = 379\,353$

Cari nilai anu.

- A 3 681  
B 30 681  
C 31 680  
D 3 168

- 8  $63\text{ ribu} \div R = 700$ .

Apakah nilai  $R$ ?

- A 9  
B 90  
C 900  
D 9 900

- 9 Rajah 3 menunjukkan empat kad nombor.

9

1 000

P

Q

10

10 000

R

S

Rajah 3

Pilih gabungan nombor yang memberikan hasil darab 9 000.

- A P, R dan S
- B Q dan R
- C P dan Q
- D P dan S

10 Syafiq mempunyai 3 600 keping setem. Dia telah menyimpan 20% keping setem dan baki setem tersebut diberikan sama banyak kepada Ah Seng, Lina, Ranjit dan Faiz. Berapakah bilangan setem yang Lina dan Ranjit dapat?

- A 576
- B 720
- C 1 440
- D 2 160

11  $2\,567 \times 6 \div 2 =$

- A 7 701
- B 3 201
- C 2 435
- D 9 876

12  $11.234 + 89 - 55.678 =$

- A 45.986
- B 12.654
- C 44.556
- D 56.987

13  $\frac{1}{4} + 1\frac{3}{8} - \frac{1}{2} =$

- A  $1\frac{1}{8}$
- B  $1\frac{5}{8}$
- C  $2\frac{1}{4}$
- D  $5\frac{1}{4}$

14 Jisim sebuah buku ialah 0.8 kg. Jisim dua buah laptop ialah 2.3 kg. Hitung jumlah jisim, dalam kg, bagi 2 buah buku dan sebuah laptop.

- A 0.275 kg
- B 2.75 kg
- C 27.5 kg
- D 2 750 kg

15  $75.25 \times 16 =$

- A 1 204
- B 1 279.25
- C 1 128.75
- D 1 354.5


16  $0.0876 \times 1\,000 =$

- A 8.76
- B 0.876
- C 876
- D 87.6

17 Perjalanan Anita dari Johor Bahru ke Kota Bharu mengambil masa selama 7 jam 55 minit. Anita bertolak pada pukul 8:40 pagi. Namun, berlaku kesesakan jalan raya selama 1 jam 15 minit. Pada waktu berapakah Anita tiba di Kota Bharu?

- A 5:40 p.m.
- B 5:50 p.m.
- C 5:00 a.m.
- D 6:00 p.m.

18 Rajah 4 terdiri daripada petak-petak segi empat sama yang sama saiz.



Rajah 4

Berapakah peratusan petak yang tidak diwarnakan daripada seluruh rajah itu?

- A 44%
- B 56%
- C 70%
- D 87%

19 Jadual 2 menunjukkan bilangan guli di dalam dua buah balang, M dan N. Bilangan guli di dalam balang N tidak dinyatakan.


Balang	Bilangan guli
M	2 400
N	

Jadual 2

Balang N mengandungi 120% guli daripada balang M. Berapakah bilangan guli dalam balang M?

- A 480
- B 1 200
- C 2 880
- D 3 360

- 20 Rajah 5 menunjukkan sebiji televisyen LCD yang dijual di Kedai Elektrik Ah Chong.



Rajah 5

Kedai Elektrik Ah Chong mengadakan promosi bayaran secara ansuran selama 8 bulan. Berapakah yang perlu dibayar setiap bulan oleh pembeli televisyen itu?

- A RM850  
B RM950  
C RM1 050  
D RM1 250
- 21  $RM510.20 \times \square = RM12\,755$   
A 25  
B 15  
C 45  
D 20
- 22  $1\frac{2}{5}$  abad – 35 tahun =  
A 1 dekad 2 tahun  
B 10 dekad 5 tahun  
C 1 dekad 5 tahun  
D 1 dekad 50 tahun
- 23 Isteri Zaki berusia separuh dekad daripada usia Zaki. Jika Zaki berumur 4 dekad 8 tahun, berapakah umur isterinya?  
A 20 tahun  
B 23 tahun  
C 2 dekad 2 tahun  
D 2 dekad 4 tahun
- 24  $1\text{ km } 850\text{ m} \div 5 =$   
A 3.7 m  
B 370 m  
C 3.7 km  
D 0.307 km
- 25 Panjang sehelai kain ialah  $10\frac{1}{8}$  m. Puan Yati telah menggunakan  $5\frac{1}{2}$  m daripada kain itu untuk menjahit baju dan baki kain tersebut digunakan untuk menjahit seluar. Berapakah panjang kain yang digunakan untuk menjahit seluar?

- A  $1\frac{1}{8}$  m  
B  $2\frac{5}{8}$  m  
C  $3\frac{5}{8}$  m  
D  $4\frac{5}{8}$  m

- 26 Diberi  $87 - Y = 7.872$ .

Cari nilai Y.  
A 79.128  
B 7.9128  
C 791.28  
D 0.7981

- 27 Rajah 6 menunjukkan empat kad isi padu cecair.



Rajah 6

Tambahkan isi padu cecair yang paling banyak dengan yang paling sedikit. Kemudian, darabkan jawapan tersebut dengan 2.

- A 52.6 ml  
B 0.526 l  
C 5.26 l  
D 526 ml
- 28 Mak Munah membuat kuih karipap sebanyak 900 biji setiap pagi untuk dijual. Sebanyak 60% kuih karipap telah terjual pada suatu pagi. Hitung jumlah kuih karipap yang tidak terjual pada pagi itu.  
A 897  
B 236  
C 360  
D 440
- 29 Sebanyak 5.2 l air dapat mengisi penuh 10 botol air. Suhaimi menambah lagi 6 botol air. Berapakah isi padu air, dalam ml, yang perlu dituang ke dalam setiap botol supaya setiap botol mempunyai isi padu air yang sama banyak?  
A 0.345 ml  
B 3.25 ml  
C 324 ml  
D 325 ml
- 30 Harga sepasang pakaian di sebuah butik ialah RM350. Sebanyak 25% diskaun telah diberi. Hitung harga baru sepasang pakaian tersebut?  
A RM262.50  
B RM250  
C RM300  
D RM87.50

31  $9\,087 \times 23 - 167\,568 =$

- A 41 433
- B 42 456
- C 43 442
- D 40 323

32 Sebuah kilang mencetak sebanyak 567 888 buah buku dari hari Isnin hingga hari Sabtu. Berapakah bilangan buku yang dapat dihasilkan dalam masa 4 hari?

- A 283 944
- B 378 592
- C 473 240
- D 94 648

33 Jadual 3 menunjukkan jisim 3 orang murid.

Murid	Jisim
Amelia	56 kg 780 g
Suzanna	Kurang 6.98 kg daripada Dalila
Dalila	6 790 g lebih daripada Amelia

Jadual 3

Hitung jisim ketiga-tiga murid tersebut.

- A 176 094 g
- B 176.94 kg
- C 17 865 g
- D 178.743 kg

34 Encik Lee mempunyai 29 890 pakaian di butiknya. Kilang telah menghantar 25 kotak yang berisi 15 helai pakaian di dalam setiap kotak itu. Hitung bilangan terkini helaian pakaian yang berada di butiknya.

- A 30 265
- B 32 564
- C 33 543
- D 32 156

35 Satu pertandingan telah disertai oleh Sumitha, Ali dan Joanna. Ali mendapat 56 789 markah dan Sumitha mendapat 5 689 markah kurang daripada Ali. Joanna pula memperoleh markah separuh daripada Sumitha. Hitung markah yang diperolehi Joanna.

- A 24 550
- B 25 550
- C 25 500
- D 25 670

36 Terdapat 90 kotak berisi botol minuman. Setiap kotak mengandungi 18 botol minuman. Kotak-kotak tersebut diagihkan kepada 9 buah kedai untuk dijual. Berapakah bilangan botol minuman yang akan diterima oleh setiap kedai?

- A 190
- B 145
- C 180
- D 143

37 Bahagikan 96.3306 dengan 3.

- A 321.102
- B 32.1001
- C 321.102
- D 32.1102

38 Rajah 7 menunjukkan sekeping kad nombor.


678.459

Rajah 7

Cari hasil darab bagi nilai digit 8 dan 5 dalam kad tersebut.

- A 0.4
- B 4.7
- C 7.6
- D 12

39 Rajah 8 menunjukkan beberapa bentuk segi empat sama yang berlorek.



Rajah 8

Nyatakan pecahan bagi kawasan berlorek.

- A  $\frac{1}{2}$
- B  $\frac{1}{4}$
- C  $\frac{1}{5}$
- D  $\frac{4}{5}$

40 Nyatakan nilai  $\frac{1}{4}$  dalam perpuluhan.

- A 0.50
- B 0.25
- C 0.15
- D 0.75

KERTAS SOALAN TAMAT

Kertas soalan ini mengandungi 15 soalan. Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan kamu dengan jelas dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan. Tunjukkan langkah-langkah penting. Ini boleh membantu kamu untuk mendapatkan markah.

1 Rajah 1 menunjukkan satu keping kad nombor.

765 404

Rajah 1

(a) Nyatakan nombor tersebut di dalam perkataan. [1 markah]

(b) Berdasarkan Rajah 1, nyatakan nilai digit bagi nombor 5 pada kad itu. [1 markah]

Jumlah  
1

	2
--	---

2 Rajah 2 menunjukkan empat keping kad nombor.

786 554

67 431

896 051

7 969

Rajah 2

(a) Susun kad-kad tersebut mengikut turutan:

(i) menaik,

(ii) menurun.

[2 markah]

(b) Bundarkan 657 468 kepada ratus ribu yang terdekat. [1 markah]

Jumlah  
2


	3
--	---

- 3 Aisyah mempunyai 7 800 keping kad mainan. Dia telah mengagihkan kad mainan tersebut kepada 20 orang rakannya. Seterusnya dia telah menambah 50 keping lagi kad mainan kepada setiap rakannya.  
Hitung jumlah kad mainan yang diterima oleh setiap rakannya? [2 markah]

Jumlah  
3

2

- 4 Rajah 3 menunjukkan tiga keping kad nombor.



Rajah 3

- (a) Cari hasil darab nombor terkecil dengan 23. [2 markah]
- (b) Tukarkan jawapan di (a) kepada bentuk pecahan nombor bercampur. [1 markah]
- (c) Cari hasil tambah semua nombor pada kad tersebut. [2 markah]

Jumlah  
4

5

5 Jadual 1 menunjukkan harga kereta di pasaran.

Jenis kereta	Harga
Toyota Alphard	7 kali harga Perodua Myvi
Honda Jazz	Kurang RM332 843 daripada Toyota Alphard
Perodua Myvi	RM59 738
Proton Iriz	Sepuluh dari harga Honda Jazz

Jadual 1

(a) Hitung harga untuk Toyota Alphard. [2 markah]

(b) Encik Maliki membeli 3 buah Proton Iriz dan sebuah Honda Jazz untuk anak-anak dan isterinya. Hitung jumlah wang yang harus dibayar oleh Encik Maliki. [2 markah]

Jumlah  
5

	4
--	---

6 Selesaikan:

(a)  $1\frac{1}{5} + \frac{2}{5} + \frac{3}{10} =$  [2 markah]

(b)  $\frac{5}{6} - \frac{3}{9} =$  [2 markah]

Jumlah  
6

	4
--	---

7 Rajah 4 menunjukkan dua kad nombor perpuluhan.

98.346

2.865

Rajah 4

(a) Berapakah hasil tambah kedua-dua nombor tersebut? [2 markah]

(b) Bahagikan jawapan (a) dengan 3 kemudian darabkan dengan 4. [3 markah]

Jumlah  
7

5

8 Puan Noraini melahirkan anaknya, Yuslaila ketika berumur 3 dekad 2 tahun.


(a) Hitung umur Yuslaila jika umur Puan Noraini adalah 5 dekad 2 tahun. Nyatakan umur Yuslaila dalam tahun. [1 markah]

(b) Umur kakak Yuslaila adalah 8 tahun lebih tua darinya, hitung jumlah umur Yuslaila dan kakak Yuslaila, dalam dekad dan tahun. [2 markah]

Jumlah  
8

3

9 Rajah 5 menunjukkan beberapa petak segi empat sama yang berlorek.



Rajah 5

- (a) Nyatakan peratusan yang mewakili kawasan tidak berlorek. [1 markah]
- (b) Tukarkan peratusan kawasan berlorek kepada pecahan termudah. [2 markah]
- (c) Cara beza antara kawasan berlorek dengan tidak berlorek dan berikan jawapan dalam bentuk nombor perpuluhan. [2 markah]

Jumlah  
9

	5
--	---

10 Rajah 6 menunjukkan tarikh, hari dan waktu Haziq bertolak dari Ipoh ke Temerloh.

23 November 2021 (Selasa)  
11:30 p.m.

Rajah 6

- (a) Jika perjalanan Haziq mengambil masa selama 4 jam 5 minit. Hitung waktu dan hari Haziq sampai ke destinasi. [2 markah]
- (b) Perjalanan Haziq adalah sejauh 316 km. Kedudukan Batang Kali adalah berada di tengah-tengah di antara Ipoh dan Temerloh. Cari jarak, dalam km, jarak dari Batang Kali ke Temerloh. [2 markah]

Jumlah  
10

	4
--	---

II Seekor ikan paus mencapai tempoh matang adalah pada umur 2 dekad 15 tahun dan jangka hayat bagi seekor ikan paus ialah 0.9 abad.

(a) Berapa lamakah, dalam tahun, ikan paus akan hidup selepas matang? [3 markah]

(b) Panjang ikan paus boleh mencecah sepanjang 12 m. Panjang ikan jerung pula adalah separuh daripada ikan paus. Hitung jumlah panjang, dalam unit cm, bagi 2 ekor ikan paus dan 3 ekor ikan jerung. [3 markah]

Jumlah  
II

6

12 Jadual 2 menunjukkan bahan mentah yang dibeli oleh Encik Zakri di Pasar Selayang.

Bahan mentah	Jisim	Harga
Ikan kembong	5 kg	RM25.50
Ayam	1 kg	RM10.50
Sotong	3 kg	RM66
Kobis	500 g	RM2.50

Jadual 2

(a) Hitung jumlah jisim, dalam unit kg dan g, barangan yang dibeli oleh En. Zakri. [2 markah]

(b) Hitung jumlah harga kesemua barangan yang perlu dibayar oleh En. Zakri. [2 markah]

(c) Cari jumlah harga bagi 1 kg ikan kembong, 2 kg sotong dan 3 kg kobis. [2 markah]

Jumlah  
12




6

Jumlah  
13

3

- 13 Sebuah kilang pakaian menggunakan 150 m kain sehari untuk menghasilkan 25 pasang baju kurung. Hitung berapa panjang kain yang digunakan untuk menghasilkan 85 pasang baju kurung? [3 markah]

- 14 Rajah 7 ialah piktograf yang menunjukkan bilangan motosikal yang dijual oleh pengedar dalam tempoh 5 bulan. Jumlah motosikal pada bulan Mac adalah separuh daripada jumlah pada bulan Julai. Jumlah pada bulan Jun pula adalah 2 kali ganda jumlah pada bulan Mac.

Bulan	Bilangan kereta
Mac	
April	
Mei	
Jun	
Julai	



Mewakili 5 buah motosikal

Rajah 7

- (a) Cari bilangan motosikal yang dijual pada bulan Jun. [2 markah]
- (b) Berapakah jumlah motosikal yang terjual sepanjang 5 bulan tersebut? [2 markah]
- (c) Modal bagi sebuah motosikal ialah RM2 500 manakala hasil jualan kesemua motosikal tersebut ialah RM850 500. Hitung jumlah keuntungan yang diperolehi. [2 markah]

Jumlah  
14

6

- 15 Isi padu tangki air di Taman Sejahtera adalah sebanyak 550  $\ell$ . Setiap kali hujan, isi padu air di dalam tangki itu akan meningkat sebanyak 0.25  $\ell$ . Hitung isi padu, dalam  $\ell$  dan  $m\ell$ , air tangki itu jika hujan turun selama seminggu. [2 markah]

Jumlah  
15

	2
--	---

KERTAS SOALAN TAMAT